

**Pemupukan Potensi Kanak-kanak Berbakat Akan Membuahkan Hasil, Kata Rosmah Bernama**  
**15 Julai, 2012**  
**Daripada Muin Abdul Majid**

DUBAI, 15 Julai (Bernama) -- Penaung Program Permata Negara Datin Seri Rosmah Mansor pada Ahad menyatakan akan pentingnya negara-negara menumpukan pada pendidikan yang memenuhi keperluan kanak-kanak yang memiliki bakat semulajadi, menegaskan kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kehilangan bakat kepada negara lain dan ketinggalan daripada segi kemajuan.

Dalam ucap tama beliau pada Persidangan Asia Pasifik Mengenai Bakat Semulajadi ke-12 di sini, isteri perdana menteri Malaysia itu berkata sejarah menunjukkan negara yang mengabaikan pendidikan, terutama pendidikan peringkat awal, akhirnya menyedari mereka berdepan kesukaran memajukan ekonomi-ekonomi mereka dan mencorakkan perwatakan, pertumbuhan dan kesepaduan sosial negara.

"Jika kita terlepas peluang membantu mereka yang memiliki bakat semulajadi di kalangan kita, kita akan mengalami masalah kekurangan golongan cerdik pandai dan ketinggalan dalam perjuangan mewujudkan kemajuan transformasi dalam persekitaran kita yang semakin rumit dan berasaskan teknologi.

"Kita perlu boleh berkata yang kita telah berbuat secukupnya untuk menyediakan pelajar kita yang memiliki bakat semulajadi untuk menjadi pemimpin yang mampu menghadapi cabaran pada abad ke-21," katanya.

Bertemakan 'Mengoptimumkan Potensi Mereka Yang Memiliki Bakat Semulajadi', ucap tama itu disampaikan pada persidangan itu yang berlangsung di Dubai International Convention and Exhibition Centre. Rosmah dijemput menghadiri persidangan lima hari itu yang dirasmikan pada Sabtu oleh Sheikh Hamdan bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Pemerintah Dubai dan Menteri Kewangan Emiriah Arab Bersatu (UAE), atas sumbangan besar beliau terhadap inisiatif program PERMATA yang menumpukan pada pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak.

Rosmah, yang memperjuangkan program bagi kalangan mereka yang memiliki bakat semulajadi di Malaysia, berkata persepsi bahawa penyediaan peluang kepada individu berkenaan akan mewujudkan golongan elit sepatutnya dihakis.

Dalam kes di Malaysia, katanya negara menyediakan peluang pendidikan yang seimbang kepada mereka yang memiliki bakat semulajadi dan kepada semua pelajar lain.

Menyifatkan individu yang memiliki bakat semulajadi sebagai aset bernilai di mana-mana negara, beliau berkata adalah penting pendekatan berbeza diberikan kepada mereka daripada segi pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kondusif yang sesuai dengan mereka.

"Jika kita gagal menyediakan pendidikan yang mampu memenuhi keperluan mereka, kita bakal berdepan kemungkinan kehilangan mereka kepada negara lain, atau mereka mungkin keciciran atau tidak dapat menyesuaikan diri di dalam kelas dan masyarakat," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa masyarakat akan mendapat banyak faedah daripada pemikiran cerdas dan keupayaan mereka untuk memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan dan strategi mereka dalam menyelesaikan masalah, serta keupayaan mereka menyesuaikan diri

dalam sebarang situasi baru.

"Apabila dibimbing dan dipupuk dari peringkat muda, bakat mereka boleh dioptimumkan untuk melampaui prestasi peringkat tertinggi dalam mana-mana bidang, terutama mereka di barisan hadapan pengetahuan yang diharapkan berupaya menyelesaikan masalah pada abad ke-21.

"Sebab itu kenapa ada negara bersedia menawarkan biasiswa dan malahan kewarganegaraan untuk menarik kanak-kanak ini dan ibu bapa mereka," kata Rosmah.

Rosmah menegaskan walaupun pendidikan untuk kalangan mereka yang berbakat ini menekankan cabaran dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik namun pada masa yang sama mereka turut diterapkan dengan nilai kemanusiaan dan penguasaan pelbagai bahasa.

Beliau memberitahu peserta persidangan bahawa pendekatan pedagogi perlu mampu membantu pelajar belajar dengan mendalam dan berfikir secara kritis serta kreatif mengenai nilai-nilai dan etika.

Rosmah berkata penerapan etika dan nilai dalam pendidikan mereka akan membantu pelajar untuk lebih memahami dan menyelami masalah global dan menghargai etika dalam pembangunan dan penggunaan teknologi.

"Insya Allah, kami akan membantu meninggalkan warisan pemimpin yang bertanggungjawab dan warganegara baik yang akan berusaha memajukan ekonomi dan teknologi serta memupuk masyarakat harmoni yang hidup bersama secara aman dan stabil," katanya.

Beliau berkata Malaysia menaruh harapan untuk menjadi tuan rumah Persidangan Asia Pasifik Mengenai Bakat Semulajadi yang diadakan setiap dua tahun itu pada 2016. Edisi 2014 dijadual berlangsung di Shanghai, China.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680711>

